

Dr. Mahathir beri perangsarig kepada pelumba kart negara

LANGKAWI 13 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dalam rangka kerja meninjau kemajuan pelbagai projek pembangunan di Langkawi hari ini sempat memberikan kata-kata perangsang kepada pelumba negara yang akan menyertai Kejohanan Kart Rotax Max Grand Final selama dua hari mulai 25 Januari ini.

Dr. Mahathir berbual-bual dengan ketua pasukan pelumba Malaysia Ferhan Fauzy dan rakan-rakannya Raja Razman Raja Idris, Martin Druhan, Rodney Magness semasa melawat litar lumba di Padang Matsirat.

Sebelum itu, Dr. Mahathir yang diiringi oleh Pengerusi Kumpulan Mofaz, Mohamad Fauzy Abdul Hamid meninjau projek pembebasan litar itu membabitkan kos sebanyak RM3 juta. Litar itu diluaskan dari 990 meter kepada kira-kira 1,200 meter dan tempat duduk berbumbung yang boleh menampung 600 penonton.

Sebanyak 78 pelumba dari 31 negara telah menempah tiket untuk ujian kelayakan dan akhir dan daripada jumlah itu 40 pelumba akan beraksi pada grand final.

Dr. Mahathir dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali kemudian melawat Taman Buaya di Teluk Datai di sini sebelum meninjau projek penambahan 100 bilik dan kemudahan spa di Berjaya Langkawi Beach and Spa Resorts di Teluk Burau.

Perdana Menteri kemudian melawat projek perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan kompleks membeli-belah bersepadu Oriental Village di Teluk Burau dengan Gunung Mat Cincang setinggi 708 meter yang dijangka beroperasi April depan.

Projek bernilai RM45 juta itu adalah usaha sama antara Dopple-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan itu kini telah 70 peratus siap.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr. Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan kemajuan pelbagai projek di sini terutama projek kereta kabel yang menurutnya dapat menarik lebih banyak pelancong ke Langkawi.

"Pemandangan di puncak itu sangat menarik, saya telahpun sampai ke puncaknya dan saya dapati suasananya amat menarik kerana kita dapat melihat pokok-pokok batu dan air terjun," katanya.